

DBKL sita lima premis, pindah 110 barang perniagaan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita lima premis dan memindahkan halangan 110 pelbagai barangan perniagaan seperti kerusi, meja, bangku plastik dan payung di sekitar Cheras.

DBKL dalam satu kenyataan di Facebook semalam berkata, tindakan itu diambil kerana ia diletakkan di tempat awam termasuk di atas jalan, parkir, siar kaki dan laluan pejalan kaki.

Katanya, operasi Tinda-

kan Khas Pindah Halangan Di Tempat Awam Siri 10/2023 itu dijalankan pada Rabu melibatkan Taman Kas-Kas, Taman Connaught dan Taman Cheras di sini.

“Tindakan penguatkuasaan diambil berkaitan kesalahan meletakkan peralatan perniagaan di tempat awam di bawah Seksyen 46(1),

Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974,” katanya.

Semua peralatan disita itu dibawa ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja di sini.

“
**Tindakan
diambil kerana
meletak peralatan
perniagaan
di tempat awam**
DBKL

25.02.2023

HM

M/S 12